

<p>Fasa 3A : Kerja-Kerja Naiktaraf dan Baikpulih Parlimen Malaysia (Pembinaan Blok Sokongan M&E, Pejabat Lanskap & Terowong Utiliti dan Kerja-kerja Infra)</p>	<p>Jadual : 36.62 % Sebenar : 34.01</p>
<p>Fasa 3B : Pembinaan Blok Baru Ahli Parlimen dan Pentadbiran termasuk tempat letak kereta, Dewan Serbaguna, Pagar Sempadan Baru dan Kerja-Kerja Berkaitan</p>	<p>Milik Tapak pada 28 September 2015. Masih diperingkat awalan pembinaan. Kerja dijangka dimulakan sepenuhnya pada penghujung bulan Disember 2015 (setelah Sidang Parlimen selesai)</p>

Berhubung isu mengenai kemudahan terkini yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa kemudahan yang akan disediakan termasuklah; menaik taraf dan menambah baik Dewan Rakyat dengan menambah kapasiti Dewan Rakyat supaya mampu memuatkan bilangan tempat duduk Ahli Parlimen daripada 242 kerusi sebelum ini kepada 280 kerusi. Selain itu, bilik pejabat untuk setiap Ahli Parlimen, *Business Center*, bilik-bilik Kementerian dan pejabat pentadbiran Parlimen juga akan disediakan di blok baru yang dibangunkan di bawah Fasa 3B. Disamping itu, kemudahan-kemudahan asas lain yang sebelum ini terdapat di Parlimen seperti perpustakaan, surau dan kafeteria juga akan turut disediakan.

Seterusnya bagi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai penyiapan keseluruhan Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Bangunan Parlimen Malaysia, saya ingin memaklumkan Dewan yang